

PENERAPAN NILAI-NILAI MURNI DALAM KALANGAN
PELAJAR SARJANA MUDA PENDIDIKAN TEKNIK DAN
VOKASIONAL SEMASA MENJALANKAN AMALI DI MAKMAL

AZHANIE BINTI OMAR



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PERPUSTAKAAN UTHM



CU 1229.63

3000002418749



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS*

JUDUL: **PENERAPAN NILAI-NILAI MURNI DALAM KALANGAN PELAJAR SARJANA MUDA PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL SEMASA MENJALANKAN AMALI DI MAKMAL.**

SESI PENGAJIAN: **2008/2009**

Saya **AZHANIE BINTI OMAR (840614-14-5856)**

(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM / Sarjana / ~~Doktor Falsafah~~)* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
2. Perpustakaan UTHM dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan UTHM dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. ** Sila tandakan (✓).

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972.)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi / badan di mana penyelidikan dijalankan)


TIDAK TERHAD


(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat tetap:
**14 JLN KOOP CUEPACS 4C
TAMAN CUEPACS, 43200 CHERAS, SELANGOR.**

Tarikh: **31 OKTOBER 2008**

Disahkan oleh



(TANDATANGAN PENYELIA)

DR. AHMAD BIN ESA
Nama Penyelia

Tarikh: **31 OKTOBER 2008**

- CATATAN *
- * Potong yang tidak berkenaan.
 - ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa / organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
 - x Tesis yang dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini memadai dari segi skop dan kualitinya untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional”.

Tandatangan : 
Nama Penyelia : DR. AHMAD BIN ESA
Tarikh : 31 OKTOBER 2008

PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN BUNYU TUN AMINAH



**PENERAPAN NILAI-NILAI MURNI DALAM KALANGAN PELAJAR
SARJANA MUDA PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL SEMASA
MENJALANKAN AMALI DI MAKMAL**

AZHANIE BINTI OMAR


Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi

syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

OKTOBER, 2008

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.”

Tandatangan : 
Nama Penulis : AZHANIE BINTI OMAR
Tarikh : 31 OKTOBER 2008



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Khas untuk ayah dan ibu tersayang

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W.

Syukur Alhamdulillah dengan taufik serta hidayah dari Allah S.W.T Projek Sarjana ini dapat disempurnakan dengan baik. Sebenarnya yang boleh memberi dan mampu memenuhi segala kehendak manusia itu hanya Allah S.W.T. Dialah Tuhan yang Maha Agung, Maha Kaya dan Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, kepada-Nya dan mengharapkan anugerah-Nya. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Rasulullah S.A.W serta para sahabat baginda.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Dr. Ahmad Bin Esa di atas bimbingan, perbincangan dan nasihat yang diberikan sepanjang tempoh kajian ini dijalankan.

Ucapan penghargaan juga ini ditujukan kepada pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional, pensyarah dan juruteknik di Fakulti Pendidikan Teknikal di atas kerjasama dan maklumat yang diberikan. Tidak lupa juga penghargaan ini ditujukan kepada rakan seperjuangan, keluarga dan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung membantu menjayakan Projek Sarjana ini.

Akhir kata, segala jasa baik, kerjasama serta sumbangan yang diberikan beroleh keberkatan dari Allah S.W.T. Insya-Allah.

ABSTRAK

Nilai murni ialah nilai yang menjadi asas kepada pembentukan akhlak dan amat penting untuk diserapkan kepada setiap individu khususnya kepada golongan pelajar. Namun demikian menurut kajian-kajian lepas, nilai murni masih kurang diterapkan dengan memuaskan dalam kalangan pelajar terutamanya semasa menjalankan kerja amali di makmal. Oleh yang demikian kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti sejauh mana pelajar dan pensyarah menerapkan nilai-nilai murni semasa proses pengajaran dan pembelajaran di makmal. Seramai 226 orang pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) menjadi responden dalam kajian ini. Soal selidik merupakan instrumen utama dalam kajian ini di samping temu bual dan pemerhatian sebagai instrumen sokongan. Data-data dikumpulkan dan dianalisis menggunakan perisian SPSS Versi 12.0 bagi mendapatkan min, sisihan piawai dan inferensi ANOVA manakala analisis kandungan bagi data temu bual dan pemerhatian. Dapatan kajian menunjukkan pelajar menerapkan kesemua nilai murni yang terlibat dalam kajian ini. Walau bagaimanapun didapati hanya sebahagian sahaja pensyarah menerapkan nilai-nilai murni kepada pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran di makmal. Oleh yang demikian, pengkaji mengemukakan beberapa cadangan untuk memastikan pensyarah dan pelajar menerapkan nilai-nilai murni antaranya ialah pihak Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) perlu membuat penyeliaan dari masa ke semasa bagi memastikan pensyarah dan pelajar bersama-sama menerapkan nilai-nilai murni semasa proses pengajaran dan pembelajaran di makmal.

ABSTRACT

Decency value is the foundation of individual characteristic/behavior development and need to be embedded among students essentially. However, previous studies indicate the level of decency value was still below satisfaction especially during lab assessment. Therefore, researcher has come with this study to identify the level of practiceness in integrating decency value with lab assessment among students and lecturers. 226 students of Technical and Vocational Education Degree program have been selected as respondents. Questionnaires were used as data collective instruments beside observation and interview session as back up instruments. The collected data then were analyzed according to min, standard deviation and ANOVA test by using SPSS version 12.0. At the end, researcher found out that all decency values were practiced by students during teaching and learning process in lab but different result goes for lecturers. Therefore, researcher has proposed some suggestions for lecturers and students to implement decency values together during the lab assessment. One of it is for UTHM to form a supervision committee to make sure that all lecturers and students integrate decency value practice in teaching and learning process during lab session.



PERPUSTAKAAN UTHM
AMINAH

SENARAI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	i
	HALAMAN JUDUL	ii
	HALAMAN PENGAKUAN	iii
	HALAMAN DEDIKASI	iv
	HALAMAN PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	SENARAI KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xiv
	SENARAI RAJAH	xvi
	SENARAI SINGKATAN	xvii
	SENARAI LAMPIRAN	xviii

I PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	5
1.3	Pernyataan Masalah	7
1.4	Tujuan Kajian	8
1.5	Objektif Kajian	8
1.6	Persoalan Kajian	9
1.7	Hipotesis Kajian	9
1.8	Skop Kajian	10

1.9	Batasan Kajian	11
1.10	Kerangka Konsep	12
1.11	Definisi Istilah	13
	1.11.1 Penerapan	13
	1.11.2 Nilai-nilai Murni	14
	1.11.3 Pendidikan Teknik dan Vokasional	16
	1.11.4 Kerja Amali	16
	1.11.5 Makmal	16
1.12	Rumusan Bab	17

II KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	18
2.2	Konsep Nilai Murni Dalam Falsafah Pendidikan Negara	19
	2.2.1 Definisi Nilai Murni	19
2.3	Nilai Murni dan Pendidikan Moral	20
2.4	Matlamat dan Objektif Penerapan Nilai murni	23
2.5	Aspek Nilai-nilai Murni	25
2.6	Profesion Pendidik Sebagai <i>Role Model</i> Nilai-Nilai Murni Kepada Pelajar	29
2.7	Pendekatan Penerapan Nilai Dalam Perkhidmatan Awam	30
2.8	Nilai-Nilai Dalam Etika Kerja Kementerian Pelajaran Malaysia	31
2.9	Penghayatan Nilai Murni Dalam Pendidikan	33
2.10	Pendidikan Sebagai Landasan Pembentukan Nilai-Nilai Murni	34

2.11	Kepentingan Pengukuhan Penerapan Nilai Di Institusi Pengajian Tinggi	34
2.12	Penerapan Nilai Di Dalam Bilik Kuliah	35
2.13	Penerapan Nilai Di Dalam Makmal	36
2.13.1	Nilai Murni Berhemah Tinggi	37
2.13.2	Nilai Murni Kerajinan	37
2.13.3	Nilai Murni Kejujuran	38
2.13.4	Nilai Murni Kerjasama	38
2.13.5	Nilai Murni Berdikari	39
2.13.6	Nilai Murni Kebersihan Fizikal Dan Mental	39
2.14	Rumusan Bab	40

III METODOLOGI

3.1	Pengenalan	41
3.2	Reka Bentuk Kajian	41
3.3	Kerangka Kerja Operasi	42
3.4	Tempat Kajian	44
3.5	Populasi dan Sampel Kajian	44
3.6	Instrumen Kajian	44
3.6.1	Soal Selidik	45
3.6.2	Temu Bual	46
3.6.3	Pemerhatian	47
3.7	Kajian Rintis	47
3.7.1	Kesahan	48
3.7.2	Kebolehpercayaan	50
3.8	Pengumpulan Data	51
3.9	Analisis Data	51
3.10	Andaian kajian	52
3.11	Rumusan Bab	53

IV DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	54
4.2	Demografi Responden	54
4.2.1	Tahun Pengajian	55
4.2.2	Jantina	55
4.2.3	Makmal Yang Dimasuki Pada Semester Ini	56
4.2.4	Kekerapan Responden Menjalankan Amali Di Makmal Dalam Seminggu	57
4.3	Dapatan Kajian	58
4.3.1	Analisis Data Persoalan Kajian Pertama	59
4.3.1.1	Penerapan Nilai Murni Berhemah Tinggi	60
4.3.1.2	Penerapan Nilai Murni Rajin	62
4.3.1.3	Penerapan Nilai Murni Kebersihan Fizikal dan Mental	63
4.3.1.4	Penerapan Nilai Murni Jujur	65
4.3.1.5	Penerapan Nilai Murni Kerjasama	67
4.3.1.6	Penerapan Nilai Murni Berdikari	68
4.4	Pemerhatian dan Temu Bual	70
4.4.1	Analisis Dapatan Pemerhatian	70
4.4.1.1	Aspek Penerapan Nilai Murni Berhemah Tinggi	71
4.4.1.2	Aspek Penerapan Nilai Murni Rajin	71



4.4.1.3	Aspek Penerapan Nilai Murni Kebersihan Fizikal Dan Mental	72
4.4.1.4	Aspek Penerapan Nilai Murni Jujur	72
4.4.1.5	Aspek Penerapan Nilai Murni Kerjasama	73
4.4.1.6	Aspek Penerapan Nilai Murni Berdikari	73
4.4.2	Analisis Dapatan Temu Bual	73
4.5	Statistik Inferensi	78
4.5.1	Perbezaan Penerapan Nilai-Nilai Murni Di Antara Makmal Yang Terdapat Di Fakulti Pendidikan Teknikal UTHM	78
4.6	Rumusan Bab	79


V
PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	80
5.2	Perbincangan dan Rumusan	80
5.2.1	Penerapan Nilai Murni Dalam Diri Pelajar Semasa Menjalankan Amali Di Makmal	81
5.2.1.1	Penerapan Nilai Murni Berhemah Tinggi	82
5.2.1.2	Penerapan Nilai Murni Rajin	84
5.2.1.3	Penerapan Nilai Murni Kebersihan Fizikal dan Mental	85

5.2.1.4 Penerapan Nilai Murni Jujur	87
5.2.1.5 Penerapan Nilai Murni Kerjasama	88
5.2.1.6 Penerapan Nilai Murni Berdikari	90
5.3 Penerapan Nilai Murni Oleh Pensyarah Kepada Pelajar	91
5.3.1 Penerapan Nilai Murni Berhemah Tinggi	91
5.3.2 Penerapan Nilai Murni Rajin	93
5.3.3 Penerapan Nilai Murni Kebersihan Fizikal dan Mental	94
5.3.4 Penerapan Nilai Murni Jujur	96
5.3.5 Penerapan Nilai Murni Kerjasama	97
5.3.6 Penerapan Nilai Murni Berdikari	98
5.4 Perbezaan Penerapan Nilai-Nilai Murni Antara Makmal Yang Terdapat Di Fakulti Pendidikan Teknikal UTHM	99
5.5 Kesimpulan	101
5.6 Cadangan	102
5.7 Penutup	103
RUJUKAN	104
LAMPIRAN	110



SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	16 Aspek Nilai-Nilai Murni	28
3.1	Skala Likert	45
3.2	<i>Alpha Cronbach</i> Bagi Setiap Nilai Murni	50
3.3	Kaedah Analisis Data Berdasarkan Persoalan Kajian	52
4.1	Pecahan Responden Mengikut Tahun Pengajian	55
4.2	Pecahan Responden Mengikut Jantina	56
4.3	Pecahan Responden Mengikut Makmal Yang Diambil Pada Semester Ini	56
4.4	Taburan Responden Mengikut Kekerapan Menjalankan Amali Di Makmal Dalam Seminggu	57
4.5	Spesifikasi Julat Bagi Penerapan Nilai Murni Dalam Diri Pelajar	58
4.6	Min Bagi Setiap Nilai Murni	60
4.7	Analisis Penerapan Nilai Murni Berhemah Tinggi	61
4.8	Analisis Penerapan Nilai Murni Rajin	62
4.9	Analisis Penerapan Nilai Murni Kebersihan Fizikal Dan Mental	64
4.10	Analisis Penerapan Nilai Murni Kejujuran	66
4.11	Analisis Penerapan Nilai Murni Kerjasama	67
4.12	Analisis Penerapan Nilai Murni Berdikari	69

4.13	Dapatan Temu Bual Pelajar	75
4.14	Dapatan Temu Bual Juruteknik	77
4.15	Analisis ANOVA Sehala	79



SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Konsep Model Nilai Nilai Murni di Bengkel	12
2.1	Enam Belas Nilai-Nilai Murni Kementerian Pelajaran Malaysia	22
2.2	Kaedah Penerapan Nilai-Nilai Murni di Sekolah	26
2.3	Konsep Penghayatan Nilai Oleh Simon <i>et al.</i> (1972)	33
3.1	Kerangka Kerja Operasi	43

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



SENARAI SINGKATAN

- UTHM - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
PTV - Pendidikan Teknik dan Vokasional



SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Jadual Menentukan Saiz Sampel	110
B	Borang Soal Selidik	111
C	Pengesahan Borang Soal Selidik	112
D	Kajian Rintis	115
E	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	120
F	Dapatan Demografi	123
G	Dapatan Min Keseluruhan Penerapan Nilai Murni	124
H	Dapatan Penerapan Nilai Murni Berhemah Tinggi	125
I	Dapatan Penerapan Nilai Murni Rajin	126
J	Dapatan Penerapan Nilai Murni Kebersihan Fizikal Dan Mental	127
K	Dapatan Penerapan Nilai Murni Jujur	128
L	Dapatan Penerapan Nilai Murni Kerjasama	129
M	Dapatan Penerapan Nilai Murni Berdikari	130
N	Transkrip Temu Bual Pensyarah	131
O	Gambar Pelajar Semasa Menjalankan Amali Di Makmal	133
P	Transkrip Rakaman Video Di Makmal	139
Q	Borang Senarai Semak Pemerhatian	141
R	Transkrip Temu Bual Pelajar	142
S	Transkrip Temu Bual Juruteknik	143
T	Dapatan Analisis ANOVA	153

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pendidikan memainkan peranan penting bagi membina dan menanamkan nilai-nilai positif untuk menjadikan masyarakat Malaysia maju dan moden. Nilai-nilai positif yang mendorong kepada perubahan dan kemajuan akan menjadikan perkembangan sosial dan kemajuan negara lebih dinamik dan progresif. Pendidikan di semua peringkat institusi pendidikan perlu menanamkan nilai-nilai positif selaras dengan matlamat Wawasan 2020 yang bertujuan meningkatkan taraf pemodenan dan seterusnya menjadikan Malaysia sebuah negara maju sepenuhnya pada masa hadapan.

Perspektif baru perjuangan perubahan ialah untuk mencapai kemajuan dengan nilai-nilai positif yang perlu dimiliki oleh masyarakat di negara ini. Pendidikan di Malaysia menjelang Wawasan 2020 dikehendaki memainkan peranan yang penting dalam membentuk masyarakat yang menuju ke arah teknologi maklumat. Teknologi maklumat dan perkembangan dunia siber dan multimedia yang berlaku di Malaysia mula mencorakkan perubahan nilai yang baru kepada generasi muda terutamanya bagi golongan muda yang masih bergelar pelajar. Nilai-nilai kehidupan dan nilai pembangunan dalam sesuatu masyarakat juga akan turut berubah disebabkan oleh pengaruh teknologi yang menguasai segala bidang pengurusan sesuatu masyarakat.

Nilai-nilai murni perlu dipupuk melalui proses pendidikan bagi mencorakkan insan yang kuat, bermoral, sanggup menghadapi cabaran dan berkebolehan menyelesaikan konflik dan krisis yang dihadapi (Abd. Rahim, 2001). Peranan pendidikan ialah dapat mempertahankan nilai-nilai yang baik dan mengamalkan nilai hidup yang bermoral, beretika dan demokratik. Nilai sebagai asas dalam mencorakkan perkembangan manusia perlu menekankan penerimaan nilai yang baik untuk perubahan dan pemodenan. Nilai dapat melentur tingkah laku, watak dan akhlak serta mempertahankan kehidupan yang baik dan membentuk individu yang bertanggungjawab. Nilai juga dapat membanteras penyakit sosial dan dapat membebaskan individu serta masyarakat daripada krisis yang dihadapi.

Keruntuhan moral serta krisis nilai yang dihadapi oleh generasi sekarang adalah disebabkan oleh kurangnya teladan yang baik yang boleh dijadikan asas pedoman untuk memilih jalan dan gaya hidup ke arah kesempurnaan, berhemah dan bermoral tinggi. (Smolicz *et al.*, 2001) menyatakan isu moral dan akhlak dalam kalangan golongan muda terutamanya pelajar universiti di Australia semakin membimbangkan. Hampir semua belia yang terbabit dalam kes salah laku dan gejala keruntuhan akhlak mengalami kemerosotan dalam pelajaran, kurang kawalan dan perhatian ibu bapa. Masalah-masalah seperti ini dapat diatasi melalui sistem pendidikan yang menekankan nilai-nilai moral yang baik untuk mengelakkan remaja daripada dipengaruhi oleh gejala buruk. Oleh yang demikian Joshi (2007) dalam kajiannya di Universiti Bahrain menyatakan bahawa pendidikan sangat memainkan peranan penting dalam pemupukan nilai-nilai murni dalam diri pelajar. Melalui pendidikan, para pelajar dapat diterapkan dengan nilai-nilai murni seterusnya dapat melahirkan bakal pelapis negara yang berketerampilan, berakhlak mulia dan berwawasan.

Abd. Rahim (1993) menjelaskan lagi bahawa nilai murni merupakan asas bagi membina individu dan masyarakat yang sejahtera yang bebas daripada penyakit sosial dan krisis moral. Kemerosotan nilai-nilai murni telah menyebabkan meluasnya pelbagai gejala keruntuhan moral dalam masyarakat. Masyarakat juga akan hilang pedoman dan hala tuju dalam mengejar kemajuan dan perubahan. Pengaruh kebendaan dan nilai liberal menyebabkan meningkatnya krisis moral yang sukar dibendung dan diatasi. Masyarakat perlu mempertahankan nilai-nilai murni bagi

mengelak berlakunya gejala keruntuhan moral dan sosial yang semakin serius kini. Nilai-nilai kerohanian perlu dipupuk bagi menguatkan ketahanan moral diri dalam menghadapi pengaruh buruk yang meluas dalam masyarakat.

Antara nilai-nilai murni yang perlu ada dalam diri setiap pelajar adalah hormat-menghormati. Paling jelas yang dapat dilihat di semua institusi pendidikan nilai saling hormat-menghormati yang ditunjukkan oleh pelajar kepada guru. Misalnya pelajar prihatin dalam menghormati orang yang lebih tua daripada mereka. Para pelajar pandai menyesuaikan diri dalam sesuatu kelompok tertentu agar tidak menyinggung perasaan orang lain. Selain itu, semangat kerjasama atau permuafakatan juga amat penting terutamanya dalam bidang pendidikan. Konsep permuafakatan atau kerjasama dapat dilihat melalui kegiatan ko-kurikulum. Contohnya aktiviti sukan di institusi pendidikan yang bukan sahaja melibatkan pelajar malah turut melibatkan penglibatan guru. Ini menunjukkan adanya semangat kesukanan, setiakawan serta kerjasama dalam aktiviti yang dijalankan.

Pendidikan nilai sangat penting bagi membanteras gejala dan masalah sosial yang merupakan fenomena yang dihadapi oleh masyarakat dan negara. Pendidikan dikehendaki berperanan positif sebagai suatu mekanisme sosial bagi menanamkan nilai-nilai moral, akhlak, kerohanian dan nilai tingkah laku yang baik serta mendidik golongan muda supaya dapat mempertahankan nilai-nilai yang mendorong kemajuan dan kesejahteraan hidup. Kurikulum di sekolah perlu menonjolkan isu kritikal berkaitan dengan masalah sosial yang dihadapi yang mengancam kehidupan masyarakat dan negara. Golongan muda perlu dididik supaya lebih bertanggungjawab agar dapat memainkan peranan positif dan mempertahankan aspek moral bagi membina kehidupan yang baik dan bebas daripada ancaman masalah sosial.

Pengaruh nilai dalam pembangunan masyarakat dan negara amat penting bagi menjadikan masyarakat Malaysia lebih progresif dan dinamik. Pendidikan memainkan peranan yang konstruktif bagi mencorakkan nilai dan membentuk warganegara yang mempunyai sifat jati diri, berhemah tinggi, berdedikasi, rajin berusaha, cekal, bersih, cekap dan amanah, optimis terhadap perubahan dan cabaran, bertoleransi, mencintai ilmu pengetahuan, berfikiran terbuka dan rasional (Taku

(Ikemoto, 1996). Nilai perlu dipupuk, dihayati dan diamalkan untuk menjamin kualiti kehidupan sosial dan moral yang baik dan membebaskan individu dan anggota masyarakat daripada masalah dan gejala sosial. Satu peranan mencabar dalam pendidikan adalah untuk membentuk dan melahirkan masyarakat yang beretika dan bermoral. Nilai moral dan etika yang tinggi dapat membanteras masalah sosial yang mengancam masyarakat dan negara.

Nilai murni ialah nilai yang menjadi asas kepada pembentukan akhlak. Nilai murni didefinisikan sebagai perlakuan atau akhlak yang baik yang bersifat menyeluruh dalam kehidupan. Nilai murni memupuk dan melahirkan manusia yang berketerampilan dan seimbang dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelek. Nilai-nilai murni bersifat sarwajagat serta tidak bercanggah dengan agama, budaya dan norma masyarakat Malaysia. Nilai-nilai murni merupakan unsur yang amat penting untuk diserapkan kepada setiap individu khususnya kepada golongan pelajar. Nilai-nilai murni perlu dijadikan nilai teras yang diterapkan dalam kurikulum dan dalam segala bentuk pendidikan di sekolah. Nilai murni ialah nilai yang mempunyai standard moral yang tinggi serta penting kepada sosialisasi perkembangan manusia. Nilai murni menjadi tunggak kepada nilai kemanusiaan yang mampu membentuk dimensi pembinaan sahsiah, kekuatan personal, kekuatan moral, sosial dan kerohanian. Matlamat penerapan nilai-nilai murni melalui pendidikan adalah untuk melahirkan insan dan juga warganegara yang baik serta memiliki akhlak mulia.

Moral dan akhlak yang rendah serta kurangnya nilai-nilai positif dalam kalangan masyarakat memberi kesan negatif serta meningkatkan masalah sosial dalam kalangan masyarakat. Selain masalah kemunduran dan kemiskinan, masalah sosial juga berlaku disebabkan pengaruh kebendaan, liberalisme, pemodenan dan sekularisme yang mengubah sistem sosial dan sistem nilai dalam masyarakat. Pengaruh buruk yang meluas dalam masyarakat menimbulkan banyak kepincangan sosial yang meningkatkan permasalahan sosial yang mengancam masyarakat.

Keruntuhan nilai-nilai keluarga dan fungsi institusi sosial lain dari segi pengawalan sosial, pembentukan moral dan akhlak meluaskan gejala masalah sosial. Peratusan golongan belia dan ahli masyarakat yang terlibat dengan gejala-gejala buruk semakin meningkat dan membimbangkan. Perbelanjaan negara bagi mengatasi

masalah sosial yang kritikal dan mengancam seperti penagihan dadah dan kes juvana dalam kalangan remaja serta pelbagai kes keruntuhan moral dan akhlak juga semakin meningkat dan membebankan negara.

Nilai diukur dengan berbagai-bagai cara dan yang amat penting adalah dengan menggunakan pertimbangan tingkah laku, iaitu cara kita menentukan tingkah laku atau tindakan tertentu adalah wajar atau tidak. Oleh hal yang demikian, penyelidikan ini akan diorganisasi dalam lima bab yang akan mengkaji sejauh mana pelajar menerapkan nilai-nilai murni dalam kehidupan terutamanya semasa menjalankan amali di makmal.

1.2 Latar Belakang Masalah

Nilai murni masih belum dapat diterapkan dengan memuaskan dalam kalangan pelajar di sekolah berasaskan masalah disiplin yang dilaporkan oleh para penyelidik dan akhbar tempatan. Penyelidikan ini dijalankan terhadap kesedaran pentingnya membina insan yang berakhlak, dan pentingnya peranan pendidik dalam membentuk sahsiah murid. Persoalannya ialah bagaimanakah nilai murni dapat diterapkan dengan berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pendidik harus mempersiapkan diri dengan strategi-strategi yang berkesan untuk menangani masalah disiplin dan akhlak bagi menghadapi cabaran pelajar yang sedemikian. Sekiranya masalah pelajar dibiarkan maka masa depan negara amat membimbangkan kerana bertambahnya bilangan pelajar yang bermasalah yang bakal menjadi warganegara Malaysia.

Menurut Ismail (2006), banyak sekolah di Barat khususnya di Amerika Syarikat telah mengambil langkah yang proaktif untuk memberi bimbingan kepada pelajar supaya berkelakuan baik dan positif serta menjadikan nilai-nilai murni sebahagian daripada pendidikan. Keperluan untuk mengamalkan dan menghayati nilai-nilai murni dalam masyarakat di negara kita telah lama disedari terutama sejak beberapa tahun yang lalu. Kemerosotan disiplin pelajar amat sangat dirasai baik di sekolah dan di institusi pengajian tinggi.

Penerapan nilai murni bukan sahaja penting untuk pelajar sahaja malah pendidik juga perlu ada penerapan nilai-nilai murni yang kukuh di dalam diri. Satu kajian pernah dijalankan oleh Teng Lung Kiu (Foo, 2002) untuk mengenal pasti tahap penerapan nilai-nilai murni dalam kepimpinan pengetua sekolah-sekolah Bahagian Sri Aman, Sarawak. Dapatan kajian mendapati hanya tiga nilai murni sahaja yang dimiliki sepenuhnya oleh responden manakala nilai-nilai murni yang lain masih lagi di tahap penerapan yang sangat rendah. Jelaslah menunjukkan bahawa dalam kalangan pendidik juga masih belum dapat menerapkan sepenuhnya nilai-nilai murni. Jika para pendidik gagal menerapkan nilai-nilai murni dalam diri terlebih dahulu dan kepada pelajar, maka para pelajar juga turut gagal menghayati nilai-nilai murni seterusnya boleh membawa kepada keruntuhan akhlak

Pengamalan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar memainkan peranan yang penting. Sungguh pun begitu untuk menentukan setiap pelajar di institusi pengajian tinggi mengamalkan nilai-nilai murni bukanlah satu perkara yang mudah. Masalah-masalah seperti ponteng kuliah, tidak menghormati pensyarah, lewat menghantar tugas, melanggar peraturan lalu lintas, bergaduh, melakukan perkara sumbang seperti berkhalwat, seringkali wujud. Masalah ini sepatutnya tidak timbul kerana pelajar-pelajar ini telah pun didedahkan dengan nilai-nilai murni sebelum berada di institusi pengajian tinggi lagi.

Corak pembelajaran di institusi pengajian tinggi lebih mencabar dan memerlukan kesabaran serta penerapan nilai-nilai murni yang tinggi terutamanya semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam makmal yang sangat mementingkan aspek keselamatan pelajar. Namun demikian menurut Yahaya (2003) masih terdapat juga para pelajar yang masih tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan di dalam makmal dan ini menimbulkan masalah dalam pengurusan makmal. Nor Azizah (2001) turut menyokong di dalam kajian beliau bahawa nilai murni masih belum dapat diterapkan dengan memuaskan di kalangan pelajar berasaskan masalah disiplin yang dilaporkan oleh para penyelidik dan akhbar tempatan.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Fadilah (2007) mendapati bahawa sememangnya tahap penerapan dan penghayatan nilai murni dalam diri pelajar amat rendah sekali terutama sekali apabila pelajar menjalankan kerja amali di makmal. Kajian yang dilakukan tertumpu kepada perbezaan tahap penghayatan nilai murni pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik kuliah dan di dalam makmal. Hasil dapatan beliau mendapati tahap penghayatan nilai murni pelajar amat rendah semasa proses pengajaran dan pembelajaran di makmal.

Para pelajar seharusnya perlu mempunyai tahap penerapan dan penghayatan nilai-nilai murni yang tinggi terutama semasa menjalankan kerja amali di dalam makmal. Selain itu pensyarah juga perlu sedar dan perlu menerapkan nilai-nilai murni semasa proses pengajaran dan pembelajaran terutamanya di dalam makmal. Ini adalah bagi memastikan keselamatan pelajar terjamin semasa menjalankan kerja amali di dalam makmal.

1.3 Pernyataan Masalah

Pensyarah dan pelajar terlupa untuk menerapkan nilai-nilai murni terutamanya semasa menjalankan kerja amali di dalam makmal sehingga menurut kajian-kajian lepas terdapat banyak berlakunya kes kemalangan pelajar semasa menjalankan kerja amali di makmal. Oleh yang demikian penyelidikan ini dijalankan bagi mengenal pasti sejauh mana penerapan nilai-nilai murni yang ada dalam diri pelajar semasa menjalankan kerja amali di makmal serta sejauh mana pensyarah menerapkan nilai-nilai murni kepada pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran di makmal.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengetahui sejauh mana penerapan nilai-nilai murni dalam diri pelajar semasa menjalankan kerja amali di makmal dan sejauh mana pensyarah menerapkan nilai-nilai murni kepada pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran di makmal. Secara terperinci kajian ini bertujuan untuk mengetahui penerapan nilai-nilai murni dalam diri pelajar terutamanya semasa menjalankan kerja amali di makmal.

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk :

- i. Mengetahui adakah pelajar menerapkan nilai-nilai murni dalam diri semasa menjalankan amali di makmal.
- ii. Meninjau sejauh mana pensyarah menerapkan nilai-nilai murni kepada pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran di makmal.
- iii. Mengenal pasti sama ada wujud perbezaan penerapan nilai-nilai murni di antara makmal yang terdapat di Fakulti Pendidikan Teknikal UTHM.

1.6 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu

- i. Adakah pelajar menerapkan nilai-nilai murni dalam diri semasa menjalankan amali di makmal?
- ii. Sejauh mana pensyarah menerapkan nilai-nilai murni kepada pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran di makmal?
- iii. Adakah terdapat perbezaan penerapan nilai-nilai murni di antara makmal yang terdapat di Fakulti Pendidikan Teknikal UTHM ?

1.7 Hipotesis Kajian

Hipotesis didefinisikan sebagai jawapan ramalan kepada sesuatu soalan dalam konteks penyelidikan. Hipotesis kajian ini adalah seperti berikut :

H_0 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik di antara penerapan nilai-nilai murni di antara makmal yang terdapat di Fakulti Pendidikan Teknikal UTHM.

H_A : Terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik di antara penerapan nilai-nilai murni di antara makmal yang terdapat di Fakulti Pendidikan Teknikal UTHM.

1.8 Skop Kajian

Kajian ini dibahagikan kepada tiga skop iaitu

i. Geografi

Kajian ini dijalankan hanya di makmal-makmal yang terdapat di Fakulti Pendidikan Teknikal UTHM. Para pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional menjadi responden dalam kajian ini kerana mereka menjalankan kerja amali di makmal.

ii. Disiplin

Kajian ini hanya memfokus kepada enam nilai murni daripada enam belas nilai-nilai murni yang disarankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Enam elemen nilai murni tersebut ialah kerajinan, kerjasama, berdikari, kejujuran, kebersihan fizikal dan mental dan berhemah tinggi.

iii. Metodologi

Kajian ini melibatkan pengedaran borang soal selidik kepada responden yang terdiri daripada pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional dan temu bual dengan beberapa orang pelajar, pensyarah dan juruteknik bagi menyokong dapatan kajian. Maklumbalas diskopkan hanya kepada item-item yang disoal dalam borang soal selidik yang tertumpu kepada enam nilai murni iaitu berhemah tinggi, kerajinan, kebersihan fizikal dan mental, kejujuran, kerjasama dan berdikari. Di samping itu, pengkaji juga turut melakukan pemerhatian untuk meninjau sejauh mana pensyarah menerapkan nilai-nilai murni kepada pelajar.

1.9 Batasan Kajian

Semasa menjalankan kajian, terdapat batasan-batasan yang berlaku mengikut keperluan dan kepentingan maklumat. Antara batasan yang berlaku adalah :

i. Pengalaman pengkaji

Pengkaji tidak mempunyai pengalaman dalam membuat kajian terutamanya dalam bidang sains sosial. Pengkaji mengalami masalah-masalah semasa membuat kajian. Oleh itu pengkaji membuat kajian hanya dengan mengikut prosedur-prosedur yang tertentu yang telah digariskan untuk dijadikan panduan untuk pengkaji.

ii. Wang

Pengkaji turut mengambil kira faktor wang sebagai batasan kajian. Pengkaji mengalami masalah kewangan semasa menjalankan kajian ini kerana kajian ini memerlukan pengkaji membuat pemerhatian di setiap makmal yang telah dipilih oleh pengkaji. Pengkaji memerlukan sedikit perbelanjaan semasa menjalankan kajian ini.

iii. Masa


Kajian yang dilakukan hanya di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia iaitu di makmal-makmal yang terdapat di Fakulti Pendidikan Teknikal. Pemilihan kawasan kajian ini disebabkan lokasi yang paling dekat dengan tempat tinggal pengkaji. Maka dengan itu pengkaji turut menyenaraikan kekangan masa sebagai batasan kajian.

iv. Kejujuran responden

Kajian ini melibatkan soal selidik kepada responden iaitu pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional. Pengkaji turut mengambil kira kejujuran responden sebagai batasan kajian dalam kajian ini.

1.10 Kerangka Konsep

Kajian ini mengkaji tentang sejauh mana penerapan dan pengamalan nilai-nilai murni dalam diri pelajar semasa menjalankan kerja amali di makmal. Kerangka konsep kajian ini merupakan Model Nilai Murni di Makmal. Kerangka konsep kajian ini diadaptasi dan diubahsuai daripada elemen nilai-nilai murni yang disarankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia. Model Nilai Murni di Makmal turut mengaplikasikan beberapa elemen nilai-nilai murni yang turut disarankan dalam penyelidikan yang telah dilakukan di Jepun dan Australia. Pengkaji mengemukakan Model Nilai Murni di Makmal dengan menyenaraikan enam elemen nilai murni yang perlu diterapkan oleh pelajar semasa menjalankan amali di makmal.



Rajah 1.1 : Kerangka Konsep Model Nilai Murni Di Dalam Makmal

Model Nilai Murni di Dalam Makmal mengemukakan 6 elemen nilai murni yang perlu diterapkan oleh pelajar semasa menjalankan amali di makmal. Elemen nilai-nilai murni tersebut ialah kerjasama, kejujuran, kerajinan, kebersihan fizikal dan mental, berdikari dan berhemah tinggi. Pengkaji mengemukakan Model Nilai Murni di Makmal setelah melakukan beberapa kajian mengenai penerapan nilai murni dalam kalangan pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam makmal. Pengkaji mendapati kurang penerapan dan pengamalan nilai murni dalam kalangan pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam makmal. Oleh hal yang demikian pengkaji mengemukakan Model Nilai Murni di Makmal sebagai landasan untuk mengkaji sejauh mana penerapan nilai-nilai murni di dalam diri pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran di makmal serta sejauh mana pensyarah menerapkan nilai-nilai murni kepada pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran di makmal.

1.11 Definisi Istilah

Definisi istilah adalah bertujuan untuk menjelaskan tentang istilah-istilah yang berkaitan dengan kajian yang ingin dijalankan. Pengkaji telah mengenal pasti beberapa istilah yang perlu diterangkan pengertiannya bagi memberi penjelasan dan kefahaman. Definisi istilah kajian ini adalah berdasarkan kepada tajuk penyelidikan iaitu “Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional Semasa Menjalankan Amali Di Makmal.”

1.11.1 Penerapan

Menurut Abd Rahim Abd Rashid (2001) nilai dalam pendidikan seharusnya dapat dikembangkan sebagai satu proses penerapan. Pelajar perlu digalakkan mencontohi dan mengamalkan nilai-nilai yang baik sebagai satu penerapan bagi menggambarkan keterampilan diri yang baik serta prihatin terhadap soal-soal kehidupan dan pembinaan diri. Dalam kajian ini maksud penerapan merujuk kepada penerapan nilai-nilai yang ada dalam diri pelajar semasa menjalankan kerja amali di makmal serta penerapan nilai-nilai murni oleh pensyarah kepada pelajar semasa

proses pengajaran dan pembelajaran di makmal. Penerapan nilai murni dalam kalangan pelajar yang dikaji ialah berhemah tinggi, rajin, kebersihan fizikal dan mental, jujur, kerjasama dan berdikari.

1.11.2 Nilai-Nilai Murni

Nilai-nilai murni merujuk kepada arahan tentang sesuatu perkara yang dilakukan dan bagaimana perkara itu dilakukan melalui tingkah laku yang bersesuaian dengan keadaan yang khusus dan tertentu (*Cambridge Dictionary of Sociology, 2006*). Nilai murni juga merujuk kepada sesuatu yang baik dan betul yang boleh dijadikan pedoman dalam kehidupan (Abd. Rahim, 2001). Chai Feldblum (2007) pula menyatakan nilai-nilai murni adalah tentang sesuatu perkara yang betul dan perkara yang salah. Nilai-nilai murni dalam kajian ini merujuk kepada enam elemen nilai murni yang dipilih daripada 16 elemen nilai murni yang disarankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

Enam unsur nilai murni ini dipilih dalam kajian ini kerana keenam-enam unsur ini sangat penting untuk dihayati dan diterapkan oleh pelajar semasa menjalankan kerja amali di makmal. Gabungan keenam-enam unsur nilai murni ini dikemukakan dalam satu model iaitu Model Penerapan Nilai Murni di Makmal. Merujuk kepada Abd. Rahim (1993) enam unsur nilai murni yang dikemukakan dalam model ini ialah :

i. Berhemah tinggi

Berhemah tinggi merujuk kepada budi pekerti dan tingkah laku yang mulia dan lemah lembut serta berbudi bahasa yang patut diamalkan oleh seseorang individu dalam hubungan dengan masyarakat sekeliling.

ii. Kerajinan

Kerajinan merujuk kepada usaha berterusan yang penuh dengan semangat ketekunan, kecekalan, kegigihan, dedikasi dan daya usaha dalam melakukan sesuatu perkara.

iii. Kerjasama

Kerjasama adalah usaha yang baik dan membina yang dilakukan secara bersama pada peringkat individu, komuniti, masyarakat atau negara untuk mencapai sesuatu matlamat.

iv. Berdikari

Berdikari adalah kebolehan melakukan sesuatu tanpa bergantung pada orang lain.

v. Kebersihan fizikal dan mental

Kebersihan fizikal dan mental merujuk kepada kebersihan diri, kebersihan alam sekitar, pertuturan dan tingkah laku yang terpuji serta bermaksud pandangan, cadangan, pendapat dan pemikiran yang bernas dan ikhlas yang harus dipupuk untuk kebaikan diri dan masyarakat.

vi. Kejujuran

Kejujuran merujuk kepada sikap dan tingkah laku yang menunjukkan niat baik, amanah dan ikhlas tanpa mengharapkan sebarang balasan.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKUN AMINAH

1.11.3 Pendidikan Teknik dan Vokasional

Pendidikan teknik dan vokasional merujuk kepada kepelbagaian program dalam peringkat pengajian menengah dan pengajian tinggi yang bertujuan melengkapkan pelajar dengan kemahiran yang seterusnya dapat melahirkan pelajar yang mahir dalam kemahiran dan bidang tertentu yang bertepatan dengan bidang pekerjaan (*Education and Sociology Encyclopedia, 2002*). Dalam kajian ini Pendidikan Teknik dan Vokasional merupakan salah satu program pengajian yang terdapat di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Program pengajian Pendidikan Teknik dan Vokasional di UTHM melibatkan silibus amali yang memerlukan pelajar membuat amali di makmal. Para pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional yang mengambil subjek amali yang sememangnya menggunakan kemahiran semasa menjalankan kerja amali di makmal merupakan responden dalam kajian ini.

1.11.4 Kerja Amali

Kerja amali adalah satu kaedah pembelajaran yang melibatkan perbuatan (David L.Haury & Peter Rillero, 1994). Menurut Yahaya (2005) kerja amali adalah aktiviti yang melibatkan kerja-kerja hasil kemahiran pelajar. Kerja amali merupakan aktiviti susulan yang dilakukan pelajar setelah isi pelajaran secara teori telah disampaikan semasa di dalam kelas atau di bilik kuliah. Dalam kajian ini, kerja amali merujuk kepada aktiviti pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional melakukan amali di dalam makmal yang melibatkan kerja-kerja pertukangan menggunakan pelbagai jenis peralatan tangan dan peralatan keselamatan.

1.11.5 Makmal

Menurut Mohd Safirul (2002) makmal adalah tempat untuk menjalankan kerja amali yang melibatkan kerja-kerja pertukangan. Di dalam makmal terdapat mesin dan peralatan tangan untuk membuat kerja amali. Makmal merupakan tempat bekerja untuk menghasilkan prototaip projek serta tempat untuk menjalankan aktiviti membaiki dan memasang sesuatu dengan menggunakan mesin atau peralatan. Dalam kajian ini makmal merupakan tempat pengkaji akan membuat pemerhatian

semasa pelajar-pelajar menjalankan amali di makmal. Di dalam makmal terdapat pelbagai mesin dan peralatan yang perlu digunakan dengan penuh berhati-hati dan cermat.

Berdasarkan definisi istilah dan definisi operasional yang dikemukakan, dapatlah dirumuskan bahawa kajian “Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional Semasa Menjalankan Amali Di Makmal” ini membawa maksud pengkaji mahu melihat sejauh mana penerapan dan pengamalan nilai-nilai murni yang ada dalam diri pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional semasa menjalankan kerja amali di dalam makmal yang melibatkan penggunaan peralatan dan mesin yang memerlukan pengendalian yang cermat dan pengutamaan dari segi keselamatan. Kesimpulannya pengkaji membuat kajian ini untuk mengetahui sejauh mana penerapan nilai-nilai murni yang ada dalam diri pelajar semasa menjalankan kerja amali di makmal.

1.12 Rumusan Bab

Bab I merupakan bahagian pengenalan mengenai kajian ini. Dalam bab pengenalan, pengkaji menerangkan tentang konsep nilai-nilai murni dalam bidang pendidikan serta kepentingan penerapan nilai-nilai murni dalam masyarakat. Bab I juga turut menjelaskan tentang latar belakang masalah, pernyataan masalah. Objektif kajian, skop kajian turut disertakan supaya pembaca dapat mengetahui tujuan sebenar kajian ini dilakukan oleh pengkaji. Definisi istilah terdapat dalam bab ini bagi memudahkan pembaca lebih memahami definisi-definisi yang banyak terdapat dalam kajian ini. Seterusnya dalam Bab II pengkaji mengkaji dengan lebih mendalam lagi tentang kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian.

BAB II

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Pendidikan merupakan asas kepada perubahan nilai dan sikap yang mencetuskan perubahan dan pembaharuan sosial dalam masyarakat. Institusi pendidikan khususnya di negara-negara membangun dikehendaki memainkan peranan yang konstruktif bagi mencorakkan perubahan sosial dalam masyarakat. Melalui nilai-nilai baru yang ditanamkan menerusi pendidikan perubahan sosial akan berlaku dengan meluas ke arah transformasi masyarakat.

Teori perkembangan moral Kohlberg, memberi kesan yang luas kepada strategi pendidikan moral di institusi pendidikan. Kohlberg menekankan pentingnya pendidikan untuk mengembangkan konsep moral. Konsep moral ini sangat berkait rapat dengan penerapan nilai-nilai murni. Antara peranan utama institusi pendidikan ialah membentuk akhlak yang baik merangkumi penerapan nilai-nilai murni yang telah digariskan.

Dalam kata pengantar buku yang ditulis oleh Bottery (1990) dalam Abd. Rahim (2001) berjudul *The Morality of The School: The Theory and Practise of Values in Education*, beliau menegaskan :

Morality is at the heart of schooling; after all, schooling decides what a future generation should know and how that generation should think and behave. Moreover, all teachers must have certain basic beliefs about education itself-about the type of knowledge to be valued, the role of the child and of the teacher and the relationship of both to the society.

Bottery (Abd Rahim, 2001)

2.2 Konsep Nilai Murni Dalam Falsafah Pendidikan Negara

Falsafah Pendidikan Negara berhasrat untuk melahirkan insan yang berpegang teguh kepada agama. Berpandukan Falsafah Pendidikan Negara, matlamat pendidikan ialah melahirkan insan yang baik, sempurna memiliki nilai-nilai murni di dalam diri.

2.2.1 Definisi Nilai Murni

Nilai murni dapat didefinisikan sebagai perlakuan yang baik, peradaban dan tatasusila individu manusia dalam hubungannya sesama manusia, alam dan tuhan. Wan Mohd. Zahid (1988) mentakrifkan nilai murni sebagai:

"Nilai-nilai murni merupakan tanggapan berkenaan perkara-perkara yang dihajati dan pada masa yang sama juga menjadi kriteria atau ukuran. Nilai-nilai murni sesuatu masyarakat biasanya diasaskan kepada agama. Memang menjadi tujuan semua agama, untuk membentuk kehidupan pengamutnya untuk menjadi baik dan berakhlak mulia"

(Wan Mohd. Zahid, 1988)

Secara keseluruhannya, ia merupakan nilai yang positif yang boleh diterima oleh pelajar dan masyarakat. Dalam pendidikan, penerapan nilai yang pertama kali secara rasminya diberi penekanan ialah melalui Laporan Kabinet (Laporan Mahathir 1979). Semasa Datuk Sri Anwar Ibrahim menjadi Menteri Pendidikan beliau membuat pernyataan mengenai Falsafah Pendidikan Negara & Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang mana menyelitkan isu-isu nilai murni untuk diterapkan kepada pelajar-pelajar dan guru-guru dalam melahirkan insan yang seimbang dan harmoni, bukan sahaja dari segi intelek, tetapi juga emosi, rohani dan jasmani.

2.3 Nilai Murni dan Pendidikan Moral

Banyak institusi pendidikan di Barat, khususnya di Amerika Syarikat telah mengambil langkah yang proaktif untuk memberi bimbingan kepada pelajar supaya berkelakuan baik dan positif serta menjadikan nilai sebagai sebahagian daripada pendidikan. Peranan membina masyarakat yang bermoral dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan adalah tanggungjawab bersama antara pendidik, ibu bapa dan masyarakat umum. Setiap perihal perlu saling bantu-membantu untuk menentukan keseimbangan dan penghayatan amalan yang baik sama ada di institusi pendidikan atau di rumah. Pelaksanaan pendidikan nilai dan moral menekankan proses gabung jalin dan merentas kurikulum dalam setiap mata pelajaran yang diajar. Pendidik perlu menekankan aspek kesepaduan seperti kemahiran belajar dan berfikir, pengetahuan daripada pelbagai mata pelajaran dan pengalaman harian pelajar (Matnor, 1996). Proses ini menjurus kepada usaha pemupukan, penerapan dan amalan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar.


Keperluan untuk mengamalkan dan menerapkan nilai-nilai murni dalam masyarakat di negara kita telah lama disedari terutama sejak beberapa tahun yang lalu. Kemerosotan disiplin di kalangan pelajar sekolah sangat dirasai. Oleh itu selain daripada Ordinan Pelajaran 1957, Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959, Surat Pekeliling Ikhtisas yang dikeluarkan dari semasa ke semasa diikuti

dengan Akta Pendidikan 1996, Jawatankuasa Kabinet yang mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (1979) juga menyuarakan kebimbangan mengenai masalah disiplin pelajar. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan pada ketika itu menggubal Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dengan menggunakan pendekatan utama iaitu penerapan nilai-nilai murni dalam kurikulum atau disebut sebagai nilai-nilai murni merentasi kurikulum.

Nilai-nilai murni ini dimasukkan juga dalam Pendidikan Moral (bagi pelajar yang bukan beragama Islam) dan diajar serentak dengan Pendidikan Islam bagi pelajar-pelajar yang beragama Islam. Menurut Mohd Ismail Othman (2006) terdapat 16 nilai yang perlu diterapkan kepada pelajar-pelajar semua agama dalam kurikulum sekolah rendah dan menengah. Rajah 2.1 menunjukkan enam belas nilai-nilai murni yang disarankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



Rajah 2.1 : Enam Belas Nilai-Nilai Murni Kementerian Pelajaran Malaysia

2.4 Matlamat dan objektif penerapan nilai murni

Matlamat penerapan nilai-nilai murni dalam pendidikan kebangsaan adalah untuk melahirkan insan dan warganegara yang baik, bertanggungjawab serta memiliki akhlak yang mulia. Objektifnya adalah untuk :

a) Menanam kesedaran, kefahaman dan keyakinan kepada Tuhan

Para pelajar yang dapat menerapkan nilai-nilai murni dalam diri mempunyai kesedaran dan keyakinan kepada Tuhan akan menjadi insan yang bersahsiah tinggi dan tidak terkeluar daripada landasan-landasan yang telah ditetapkan oleh agama.

b) Memupuk rasa kesyukuran kepada Tuhan, dan rasa berterima kasih kepada semua pihak yang memberi sumbangan

Nilai-nilai murni yang ada dalam diri setiap pelajar akan mejadikan pelajar tahu untuk menghargai segala pemberian yang dikurniakan. Nilai murni kesyukuran perlu ada dalam diri setiap pelajar bagi melahirkan lapisan masyarakat yang dapat tahu untuk berterima kasih dan menghargai setiap sumbangan.

c) Menanam semangat cintakan nilai-nilai suci

Penerapan nilai murni dalam diri pelajar akan melahirkan pelajar yang bersahsiah tinggi dengan melakukan perkara-perkara yang membawa kebaikan dengan penghayatan amalan nilai-nilai murni yang sepenuhnya.

d) Menghormati kebaikan dan membenci keburukan

Nilai-nilai murni yang diterapkan sepenuhnya dalam diri pelajar akan menghindarkan pelajar daripada melakukan perkara-perkara yang boleh

membawa keburukan yang seterusnya boleh merosakkan akhlak dan akidah pelajar.

e) Membentuk sikap positif dan berguna kepada agama, bangsa dan negara serta bertanggungjawab sewaktu menjalankan tugas

Pelajar merupakan bakal pemimpin negara pada masa hadapan. Penerapan nilai murni yang sepenuhnya akan melahirkan pucuk pimpinan negara yang sentiasa bertanggungjawab dalam pembangunan negara untuk kepentingan agama, bangsa dan negara.

f) Membentuk sikap positif dalam kehidupan

Pelajar akan menjadi lapisan masyarakat yang bakal memikul tanggungjawab dalam memastikan keamanan negara dan menjamin keharmonian masyarakat. Nilai-nilai murni yang diterapkan dalam diri pelajar akan membentuk sikap-sikap yang positif dalam diri pelajar. Seterusnya akan dapat melahirkan lapisan masyarakat yang bersahsiah tinggi pada masa hadapan.

g) Menjalankan amanah dengan dedikasi

Penerapan nilai murni akan melahirkan pelajar yang amanah dan jujur dalam menjalankan tugas. Pelajar merupakan bakal pemimpin negara. Oleh yang demikian penerapan nilai-nilai murni amat penting bagi menjamin kesejahteraan agama, bangsa dan negara.

h) Melatih diri dengan disiplin

Nilai-nilai murni amat berkait rapat dengan disiplin pelajar. Penghayatan nilai-nilai murni oleh pelajar akan menjadikan pelajar menjadi lebih berdisiplin seterusnya dapat membasmi masalah sosial yang kian ketara kini.



RUJUKAN

Abd. Rahim (2001). "Nilai-Nilai Murni Dalam Pendidikan." Edisi Pertama. Kuala Lumpur : Utusan Publications. 15-53.

Abd. Rahim (1993). "Pendidikan Nilai Merentasi Kurikulum." Edisi Pertama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 57-70.

Abdul Majid (2007). "Membentuk Mahasiswa Kelas Pertama: Tanggungjawab Dan Cabaran." Forum Bicara Siswa. Dicapai pada Oktober 2008 daripada www.muftiselangor.gov.my/EBook/Download/KertasKerja/17062008/M%2020Point%20Membentuk%20Mahasiswa%20Kelas%20Pertama.pdf

Abu Bakar *et al.* (2003). "Falsafah Pendidikan Dan Kurikulum." Edisi Pertama. Tanjung Malim: Quantum Books. 88-91.

Antonius R. (2003). "Interpreting Quantitative Data With SPSS." Thousand Oaks: Sage Publication

Arthur C. (2006). "Strengthening Spirituality and Civic Engagement in Higher Education." *Journal of College & Character*. **8**. 1-9.

Brian K. *et al.* (2004). "The Role Of Moral Philosophy In Promoting Academic Integrity Among Engineering Students." ASEE/IEEE Frontiers In Education Conference. October 20-23 Savannah.

Bryan S. (2006). "Cambridge Dictionary of Sociology." United States of America New York.

Chai Feldblum (2004). "Seeking a New Definition for Moral Values." Georgetown University: Tesis Ph.D.

Chua, Yan Piaw (2006). "Asas Statistik Penyelidikan." Malaysia: Mc Graw Hill.

David L. (1994). "Education and Sociology Encyclopedia." New York.

Denzin K. & Lincoln Y. (2000). "Handbook of Qualitative Research." 2nd.ed. Thousand Oaks: Sage Publications.

Dewan Bahasa Dan Pustaka (2005). "Kamus Dewan" Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

E.J Phares (1994). "Encyclopedia of Psychology." 2nd Edition: United States of America.

Foo Say Fooi (2005). "Etika Perguruan: Jaminan Peningkatan Profesionalisme." Edisi Pertama. Kuala Lumpur: Ampang Press Sdn. Bhd. 138-143

Fadilah Mat Assain (2007). "Penerapan Kemahiran Insaniah Di Sekolah Menengah Teknik : Satu Analisis Perbandingan." UTHM: Projek Sarjana (Tidak diterbitkan).

Jailani Md Yunos *et al.* (2005). "Nilai Murni: Penghayatan Dan Amalannya Di Institusi Pengajian Tinggi." Prosiding Seminar Pendidikan JPPG 2005.

Jeff J. *et al.* (2006). "Developing Effective Teacher Performance." Edisi Pertama. London: Paul Chapman Publishing. 54-55.

Johnson, B. & Christensen, L. (2004). "Educational research: Quantitative, Qualitative & Mixed Approaches." New York: Pearson Education Inc.



PTT AUTHM
PERPUSTAKAAN TUNJUKKAN AMINAH

Joshi P.L. (2007). "Enhancing Educational and Cultural Values (Value-Based Education) Among Students in Persian Gulf-based Indian Schools: A Study." University of Bahrain: Tesis Ph.D. (Tidak Diterbitkan).

Kerlinger, F.N. (1973). "Foundations of Behavioral Research." New York: Holt, Rinehart & Winston.

Krejcie, R.V., & D.W. Morgan (1970). "Determining sample size for research activities." *Educational and Psychological Measurement*. **30(3)**, 607-610.

Mary Warnock *et al.* (1996). "Values In Education And Education In Values." Edisi Pertama. Bristol: Falmer Press. 45-53.

Matnor Daim (1996). "Pelaksanaan Pendidikan Moral dan Nilai Dalam Sistem Pendidikan Negara." Kertas Kerja Konvensyen Pendidikan Moral dan Nilai Dalam Pembangunan Manusia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi pada 27-29 Ogos 1996.


Mohd Ismail (2006). "Menangani Disiplin di Sekolah." Edisi Pertama. Kuala Lumpur: Utusan Publications. 22-25.

Mohd. Najib Abd. Ghaffar (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Safirul (2002). "Kajian ke atas sikap pelajar dan pensyarah terhadap amalan keselamatan bengkel dan makmal: Kajian kes di Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah." KUiTTHO : Tesis Sarjana. (Tidak Diterbitkan).

Mohd Sheffie Abu Bakar (1999). "Metodologi Penyelidikan." 2nd Edition. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mok Soon Sang (1996). "Pendidikan di Malaysia" . Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.



Nor Azizah (2001). "Penerapan Nilai Murni Melalui Pembelajaran Kooperatif Dalam Sains." *Jurnal Pendidikan*. 27. 47-57.

Omardin Ashaari (2001). "Peranan, Tugas dan Tanggungjawab Guru Di Sekolah." Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Utusan Publications. 22-23.

Rober R. (2002). "Conscience of the campus: Case Studies in Moral Reasoning among Today's College Students." *Journal of College Student Development*.

Rosnani Hashim (1996). "Ke Arah Perindustrian Negara Islam Berasaskan Moral Dan Nilai." Konvensyen Pendidikan Moral dan Nilai Dalam Pembangunan Manusia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi pada 27-29 Ogos 1996.

Sabitha Marican (2005). "Kaedah Penyelidikan Sains Sosial." Petaling Jaya, Selangor: Pearson Malaysia. Sdn Bhd.

Sadan K. (2000). "A Collaborative Teamwork Experience Between Industrial Engineering Students Of The Middle East Technical University and The Business Administration Students Of The Pennsylvania State University." Pennsylvania State University : Tesis Sarjana Muda. (Tidak Diterbitkan).

Salih *et al.* (1997). "Peranan Nilai Dalam Kegiatan Kejuruteraan: Antara Nilai Kepenggunaan Dengan Keuntungan." *Jurnal Kesturi*. 7(1). 18-24.

Uma Sekaran (1992). "Research Methods For Business." United States of America: John Wiley & Sons. Inc.

Scotty (2006). "Moral and Spiritual Inquiry In The Academic Classroom." *Journal of College & Character*. 7. 1-10.

Smolicz *et al.* (2001). "Some Aspects of Moral Values Among University Students in Three Societies: Poland, Australia and the Philippines." *International Education Journal*. 4. 203-208.



PTU
PUSAT TINDAKAN DAN PENYELIDIKAN
PERPUSTAKAAN TUNJUK TUN AMINAH

Sufean Hussin (1989). "Pengajaran Nilai Dalam Kurikulum." Edisi Kedua.
Shah Alam: Fajar Bakti. 36-37.

Syed Arabi (2002). "Kaedah Penyelidikan dan Sains Sosial." Dewan Bahasa dan
Pustaka.

Taku Ikemoto (1996). "Thesis Research: Moral Education in Japan; Implications for
American Schools."

Thomas Moran (2006). "Service: The Moral Heart of Higher Education." *Journal of
College & Character*. 7. 1-3.

Virgil E. (2005). "Academic Honesty." *Journal of Honesty Online Education*.
6.1-10.

Wan Mohd Zahid (1994). "Wawasan Pendidikan Agenda Pengisian." Kuala Lumpur:
Nurin Enterprise.

Wan Ramli (1997). "Status Penerapan Nilai Dalam Sains & Teknologi Khususnya Di
Malaysia." *Jurnal Kesturi*. 7(1). 1-5.

Wiersma, W (1995). "Research Method In Education: An Introduction." 6th. ed.
London: Allyn and Bacon.

Yahaya Emat (2005). "Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia."
Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd.

Yahya *et al.* (2003). Tahap Penghayatan Nilai-Nilai Murni Di Kalangan Pelajar-
Pelajar Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan Semasa Menjalankan
Kerja Amali Bengkel." *Jurnal Teknologi*. 39(E). 63-76.

Zulkifli Abdul (1985). "Ke Arah Meningkatkan Imej Perkhidmatan Awam." dlm.
"Khidmat Cemerlang." Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). 19-57

